



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

KENYATAAN MEDIA

BANTUAN KEPADA KOPERASI TERJEJAS AKIBAT BANJIR

Putrajaya, 27 Disember 2021 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi memahami situasi terkini dan masalah-masalah yang dihadapi oleh koperasi yang terjejas akibat banjir yang melanda sekarang.

Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan memperuntukkan **bantuan permulaan keseluruhannya sebanyak RM1 juta kepada koperasi-koperasi yang terjejas akibat banjir**. Nilai maksimum yang akan diberikan kepada setiap koperasi yang layak adalah sebanyak RM30 ribu. Bantuan ini tidak terhad untuk premis koperasi yang terjejas banjir sahaja tetapi juga untuk membiayai kerosakan dan kerugian prasarana di tapak pertanian, perladangan dan penternakan yang diusahakan oleh koperasi yang terjejas.

Kedua, SKM juga **membenarkan mana-mana koperasi di negeri-negeri yang terjejas dengan banjir menangguhkan pengauditan akaun koperasi** disebabkan kemusnahan dokumen-dokumen perakaunan akibat banjir. Penangguhan ini juga tidak menolak kemungkinan koperasi juga terpaksa menangguhkan mesyuarat agung tahunan ke satu tempoh yang akan ditetapkan kemudian, sehingga semua urusan pasca banjir selesai sepenuhnya.

Ketiga, **insentif Pengurangan Pemindahan Kumpulan Wang Rezab Statutori (KWRS) daripada 15% kepada 8%, daripada untung bersih terauditnya selepas pelarasan operasi**. Ini akan memberi pengurangan kepada koperasi sebanyak 7% yang boleh dimanfaatkan untuk memulihkan perniagaan koperasi yang terjejas. Ini juga merupakan salah satu inisiatif dan keprihatinan Suruhanjaya bagi membantu koperasi menangani fasa pemulihan COVID-19 dan kesan bencana banjir yang sedang dihadapi di seluruh negara. Inisiatif ini diberikan kepada koperasi mulai tahun kewangan 31 Disember 2021 sehingga 30 November 2022.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI NOH BIN HJ OMAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI